



PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK

(Administrative and Diplomatic Officers' Alumni Association)

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN AKHBAR OLEH PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (ALUMNI PTD)

SALAHGUNA KUASA DAN PERBUATAN RASUAH OLEH PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Alumni PTD) ingin merakamkan kebimbangan dan rasa yang amat kesal terhadap beberapa perbuatan rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam sejak kebelakangan ini. Peningkatan ketara amalan rasuah oleh pegawai-pegawai awam, yang mana sebahagian daripada mereka adalah pegawai-pegawai kanan PTD, dan yang melibatkan jumlah wang yang besar adalah sangat membimbangkan serta merosakkan reputasi Perkhidmatan Awam Malaysia dan negara secara keseluruhannya.

Dalam kes terbaru perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kedudukan oleh pegawai kanan PTD, YBhg Datuk Mohd Arif Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), telah memalukan bukan sahaja kepada Perkhidmatan Awam, khususnya PTD, tetapi juga kepada seluruh negara di mata masyarakat antarabangsa.

Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam yang telah diamanahkan untuk menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat, sepatutnya tidak mengkhianati amanah ini oleh kerana, dengan berbuat demikian, mereka telah melakukan kerosakan yang tidak terperi kepada Perkhidmatan Awam dan Malaysia secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, Alumni PTD amat kesal dengan tindakan oleh Ketua Setiausaha KKLW dan pegawai-pegawai awam yang lain yang telah melakukan pecah amanah ini dengan menyalahgunakan kedudukan dan kuasa mereka.

Alumni PTD menyokong sepenuhnya apa-apa tindakan bagi memastikan pelaksanaan undang-undang diambil terhadap pegawai-pegawai/individu-individu ini yang telah didapati bersalah melakukan aktiviti jenayah ini. Alumni PTD ingin mencadangkan hukuman pada individu-individu ini, terutama mereka yang memegang jawatan kanan, dipertingkatkan supaya bukan sahaja melibatkan

hukuman penjara maksimum yang dibenarkan serta merampas semua aset keluarga mereka tetapi mesti juga termasuk hukuman sebatan.

Perlu diambil perhatian bahawa terdapat negara-negara yang menjatuhkan hukuman mati kepada pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam yang didapati bersalah melakukan rasuah, terutamanya yang memegang jawatan kanan. Baru-baru ini, sebuah negara anggota ASEAN telah memulakan usaha untuk meminda undang-undang bagi memperuntukan hukuman mati bagi kes-kes rasuah yang utama.

Alumni PTD juga mengakui bahawa masih banyak yang perlu dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa dalam Perkhidmatan Awam bagi memastikan penerapan etika dan integriti dipertingkatkan dan menjadi sebahagian daripada budaya penjawat awam.

Alumni PTD ingin menawarkan bantuan kepada Perkhidmatan Awam dalam apa cara yang boleh untuk memastikan rasuah dan salah guna kuasa dapat dikurangkan.

**Persatuan Alumni Pegawai Tadbir Dan Diplomatik
(Alumni PTD)
10 Januari, 2017**



PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK

(Administrative and Diplomatic Officers' Alumni Association)

FOR IMMEDIATE RELEASE

PRESS STATEMENT BY PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (ALUMNI PTD)

ON ABUSE OF POWER AND ACTS OF CORRUPTION BY PUBLIC SERVICE OFFICIALS

Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Alumni PTD) would like to express its alarm and deep regret at the number of corruption and abuse of power cases involving public service officials lately. The proliferation of corrupt practices by public service officials, some of them senior PTD Officers, involving huge sums of money is very alarming and damaging to the reputation of the Malaysian Public Service and the country as a whole.

The latest case of corruption and abuse of position by a senior PTD officer, YBhg Datuk Mohd Arif Ab Rahman, the Secretary General of the Ministry of Rural and Regional Development (KKLW), has brought shame not only to the Public Service, in particular the PTD, but more so to the entire nation in the eyes of the international community.

Public service officials who have been entrusted to deliver goods and services to the rakyat should not betray this trust for, in so doing, they would do untold damage to the Public Service and to Malaysia as a whole. As such, Alumni PTD regrets this action by the Secretary General of KKLW and other public service officials who have breached this trust by abusing their positions and their authority.

Alumni PTD categorically supports any action to ensure that the full force of the law will be brought to bear on these officials/individuals who are guilty of such criminal activities. The Alumni PTD would like to propose that the sentences on these individuals, especially those who hold senior positions, be enhanced to include not only the maximum custodial sentence allowed and confiscation of all family assets but also whipping.

It must be noted that there are countries that mete out death sentences to corrupt senior public service officials and, recently, an ASEAN member state has initiated to change its law to provide the death sentence for major corruption cases.

Alumni PTD also recognizes that more needs to be done by relevant authorities of the Public Service to ensure that the inculcation of ethics and integrity are enhanced and become part and parcel of the culture of public servants.

Alumni PTD would like to offer its assistance to the Public Service in any way it can to ensure corruption and abuse of power are reduced.

Persatuan Alumni Pegawai Tadbir Dan Diplomatik

(Alumni PTD)

10 January, 2017